# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

01 FEB 2017

RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | ‘IBU DAN AYAH RINDU KAKAK’ | 2 |
| SINAR HARIAN | ‘BOLEH AMBIL BILA-BILA MASA’ | 3 |
| HARIAN METRO | ENAM BERANAK BERGANTUNG HARAP PENCEN PENAKAT | 4 |
| HARIAN METRO | PULANGLAH KAKAK | 5 |



# SINAR HARIAN

SH 1/2/2017

## 'Ibu dan ayah rindu kakak'

### Pasangan suami isteri rayu anak tunggal pulang ke pangkuan keluarga

SITI NOOR SEPEE

PASIR GUDANG - "Saya sanggup taruhkan nyawa asalkan anak kami pulang dengan selamat," demikian luah seorang operator pengeluaran, Mohd Sharin Mahmood,50, yang tidak dapat menahan kesedihan selepas kehilangan anak tunggalnya, Nur Atikah Mohd Shahrin, 21, sejak Selasa lalu.

Mohd Sharin berkata, kali terakhir dia bertemu Nur Atikah yang dipanggil kakak kira-kira jam 9.45 pagi pada hari kejadian ketika menghantarnya bekerja di sebuah pasar raya, di sini.

"Saya sendiri menghantarnya ke tempat kerja pada hari berkenaan namun ketika itu pasar raya berkenaan masih belum dibuka tetapi ada ramai orang di restoran bersebelahan.

"Namun, ketika itu saya agak mengantuk dan mengambil keputusan untuk terus pulang ke rumah,"katanya ketika mengadakan sidang media di Pejabat Umno Parlimen Pasir Gudang, di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, dia telah menerima panggilan daripada penyelia pasar raya berkenaan kira-kira 12.45 tengah hari memaklumkan Nur Atikah tidak masuk kerja.

"Saya sudah mula tidak sedap hati kerana bimbang sesuatu yang buruk berlaku selepas telefon bimbitnya juga gagal dihubungi sebelum meminta bantuan ahli keluarga dan jiran untuk mengesan di mana dia berada.

"Ketika itu memang saya sedang menunggu panggilan daripadanya untuk mengambilnya makan tengah hari di rumah pada waktu rehat,"katanya.



Mohd Sharin menenangkan isterinya yang tidak dapat menahan kesedihan. Gambar kecil: Nur Atikah

Menurutnya, dia dan isterinya tidak mempunyai masalah atau berlaku sebarang perselisihan faham dengan Nur Atikah.

Mohd Shahrin berkata, Nur Atikah keluar sehelai sepinggang dengan memakai t-shirt berwarna hijau, seluar jean biru selain memakai tudung berwarna oren dan membawa wang sebanyak RM10.

Isterinya, Suraya Nagadiran, 50, berkata, dia hanya mengharapkan agar anaknya itu kembali ke pangkuan keluarga.

"Pulanglah kakak, ibu dan ayah rindu kakak,"katanya.

Sehubungan itu, satu laporan telah dibuat di Balai Polis Taman Pasir Putih pada 27 Januari lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan, Jokhiri Abd Aziz mengesahkan kejadian.

Manakala Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad pula akan menghulurkan bantuan termasuk mengedarkan poster.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh berhubung dengan Pegawai Parlimen Pasir Gudang, Syeb Dzulfakar Shukor ditalian 011-11111854 atau mana-mana balai polis berhampiran.



# SINAR HARIAN

SH 1/2/2017

## ‘Boleh ambil bila-bila masa’

Sukarelawan beri bantuan segera kepada golongan terputus bekalan keperluan harian

SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

**JOHOR BAHRU** – Prihatin terhadap nasib golongan kurang berkemampuan, sekumpulan sukarelawan tempatan melancarkan projek ‘Gerobok Rezeki’ di enam lokasi sekitar negeri ini sejak Disember tahun lalu.

Lokasi projek Gerobok Rezeki termasuk Surau Al-Hidayah, Taman Perling; Masjid An-Nur Taman Cendana, Pasir Gudang; Surau Kg Melayu Gelang Patah; Surau Kg Melayu Simpang Renggam; Masjid Al Husna Taman Desa Rahmat dan Masjid Kg Parit Masjid, Pontian.

Penggerak projek, Jeffri Senin berkata, projek bertujuan membantu orang ramai yang terputus bekalan keperluan tanpa sebarang birokrasi.

“Projek pertama kami mula beroperasi di Surau Al-Hidayah, Taman Perling. Antara barang keperluan yang disediakan di semua lokasi Gerobok Rezeki termasuk keperluan dapur seperti beras, gula, garam, tepung serta keperluan bayi seperti lampin pakai buang dan susu.

“Sesiapa yang terputus bekalan boleh mengambil barang keperluan dari gerobok yang disediakan tanpa mengira latar belakang mahupun bangsa kerana ia merupakan satu bentuk bantuan segera untuk meringankan beban masyarakat,” katanya.

Jeffri berkata, pihaknya mensasarkan lokasi di surau dan masjid sekitar negeri ini sebagai inisiatif mendekatkan kariah setempat dengan institusi masjid.

“Secara tidak langsung projek ini mendidik masyarakat mengambil dan menghulurkan bantuan tanpa sebarang keraguan di samping menyemai sikap berkongsi rezeki.



Projek Gerobok Rezeki turut dilancarkan di Masjid Al Husna Taman Desa Rahmat, Tampoi, di sini.

“Semua pihak dialu-alukan mengambil bahagian dalam projek ini walaupun dengan hanya menyumbang sepeket garam tetapi memberi makna yang besar kepada penerima bantuan,” katanya.

Katanya, menerusi projek itu juga mereka dapat mengenal pasti golongan kurang berkemampuan dan membantu lima keluarga daif mendapat bantuan susulan daripada agensi kebajikan setempat.

“Dalam masa terdekat juga projek ini akan mula beroperasi di beberapa lokasi baru sekitar Kulai dan Gelang Patah dan kita sasarkan untuk membuka sekurang-kurangnya satu Gerobok Rezeki di setiap daerah,” katanya.



# HARIAN METRO

## Enam beranak bergantung harap pencen penakat

HM 1/2/2017



MISKIAH (tengah) menerima sumbangan daripada Normala.

**Pasir Gudang:** "Anak saya baru pulih daripada kecederaan selepas terbabit dalam nahas yang turut meragut nyawa suami pada Oktober lalu. Namun mereka meluahkan hasrat mahu bekerja sambil belajar bagi meringankan beban saya," kata ibu tunggal, Miskiah Safar, 45.

Miskiah berkata, suaminya, Hamidi Mohd Noor, 50, maut dalam kemalangan jalan raya 2 Oktober lalu manakala dia serta lima anak mereka yang berusia 10 tahun hingga 19 tahun cedera.

Menurut Miskiah, kemalangan berlaku ketika arwah Hamidi membawa mereka sekeluarga keluar makan malam di kawasan Plentong dengan Toyota Avanza.

"Anak luka di rahang, dagu, tangan dan kaki. Mereka faham kesulitan saya kerana kami hilang punca pendapatan selepas pemergian bapa.

"Mereka mahu bekerja sambilan, tetapi buat masa ini, saya tidak benarkan kerana bimbang mereka hilang tumpuan terhadap pelajaran.

"Saya bersyukur kerana caruman suami di Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) melayakkan kami menerima pencen penakat RM1,000 sebulan sejak dua bulan lalu. Kini ia menjadi sumber utama pendapatan buat masa ini," katanya di rumahnya di Taman Damai Jaya, semalam.

Miskiah ditemui ketika kunjungan Ahli Parlimen Pasir Gudang Datuk Normala Abd Samad.

Miskiah berkata, memandangkan kos sara hidup semakin meningkat, dia perlu berjimat menguruskan perbelanjaan keluarga termasuk barangan dapur, persekolahan anak hingga pembayaran bil utiliti.

Tambahan pula, katanya, anak sulungnya yang menuntut di sebuah kolej di Kuala Lumpur memerlukan wang bagi menampung perbelanjaan harian.

Sementara itu, Normala berkata, pihaknya akan membantu Miskiah bagi meningkatkan ekonomi keluarganya dengan mendedahkannya kepada kursus kemahiran seperti menjahit.

"Pada masa sama, kami juga akan berikan bantuan sesuai buatnya sekeluarga," katanya.



# HARIAN METRO

HARIAN METRO



# Pulanglah kakak

■ *Gadis hilang selepas dihantar bapa ke tempat kerja*

NUR Atikah

**Mary Victoria Dass**
maryvictoria@hmetro.com.my

**Pasir Gudang** 1/2/2017

"Hanya Nur Atikah satu-satunya harapan keluarga, kami tidak tahu apa perlu dilakukan sekiranya berlaku perkara tidak diingini terhadapnya," kata operator pengeluaran, Mohd Sharin Mahmood, 50.




*MOHD Sharin dan isterinya gagal mengawal perasaan pada sidang media, semalam.*

FOTO: ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN

Mohd Sharin dan isterinya, Suraya Ngadiran, 50, tampil mengadakan sidang media di Pejabat UMNO Parlimen Pasir Gudang, merayu anak tunggal mereka yang berusia 21 tahun kembali ke pangkuan keluarga selepas gagal dihubungi.

Katanya, kali terakhir dia bertemu Nur Atikah yang dipanggil kakak ialah jam 9.45 pagi, 26 Januari lalu ketika menghantar anaknya itu ke tempat kerja di pasar raya di Jalan Tembikai, Taman Kota Masai di sini, yang jaraknya satu kilometer dari kediaman mereka.

"Saya hantarnya ke tempat kerja pada hari terbabit namun ketika itu pasar raya berkenaan masih belum dibuka. Bagaimanapun, orang ramai ada di restoran bersebelahan.

"Ketika itu saya mengantuk dan mengambil keputusan terus pulang ke rumah. Pada jam 12.45 tengah hari, saya menerima panggilan daripada penyelia pasar raya yang memaklumkan Nur Atikah tidak masuk kerja.

"Kebetulan saya memang menunggu panggilan daripada Nur Atikah bagi mengambilnya ketika waktu rehat untuk makan tengah hari di rumah," katanya.

Mohd Sharin berkata, dia berusaha mengesan anaknya itu di merata tempat termasuk bantuan rakan serta jiran namun hampa.

"Kami tiada perselisihan faham dengan Nur Atikah. Tambahan pula, Nur Atikah tidak bergaul bebas, malah ke mana saja dia pergi, dia pasti ditemani ibunya.

"Malah, apa yang kami tahu, dia juga tidak rapat dengan mana-mana lelaki," katanya.

Menurut Mohd Sharin, dia juga bertemu ustaz dan beberapa pengamal perubatan tradisional bagi mendapatkan petunjuk.

"Mereka memaklumkan perkara sama bahawa Nur Atikah masih berada di sekitar Taman Kota Masai dan dalam keadaan gelisah. Pada hari kejadian, Nur Atikah memakai baju-T hijau dan seluar jean biru selain bertudung oren. Dia sehelai sepinggang dan hanya membawa RM10," katanya.

Sementara itu, Suraya mengakui berlaku perubahan sikap anaknya sebelum tidak pulang ke rumah.

Kebiasaannya, saya dan Nur Atikah tidur bersama apabila suami bekerja. Bagaimanapun, beberapa hari sebelum kejadian, Nur Atikah tidur berasingan selain tidak melambai saya seperti selalu pada hari terakhir dia keluar rumah.

"Pulanglah kakak, ibu dan ayah rindukan kakak," katanya.

Laporan berkaitan kehilangan Nur Atikah dibuat Mohd Sharin di Balai Polis Taman Pasir Putih, 27 Januari lalu.

Ahli Parlimen Pasir Gudang Datuk Normala Abdul Samad berkata, pihaknya sedia menghulurkan bantuan termasuk mengedarkan poster Nur Atikah.

"Orang ramai yang tahu di mana Nur Atikah berada boleh berhubung dengan Pegawai Parlimen Pasir Gudang, Syeb Dzulfakar Shukor di talian 011-1111854 atau balai polis berhampiran," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Jokhiri Abd Aziz mengesahkan pihaknya menerima laporan kes terbabit.

